

DRAF



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH  
PENDIDIKAN KHAS  
(MASALAH PENDENGARAN)**

**BAHASA MALAYSIA**

**TAHUN TIGA**

2011



DOKUMEN STANDARD

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH  
PENDIDIKAN KHAS**

**MASALAH PENDENGARAN**

**BAHASA MALAYSIA**

**TAHUN 3**



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM**

Cetakan Pertama 2011

© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

RUKUN NEGARA	v
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vi
PENDAHULUAN	1
MATLAMAT	1
OBJEKTIF	1
STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG	2
KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD	3
PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	3
PENTAKSIRAN	3
KURIKULUM STANDARD BAHASA MALAYSIA	4
Matlamat	5
Objektif	5
Fokus	5
Organisasi Kandungan	5
Kemahiran Bahasa	6
Sistem Bahasa	6
Pengisian Kurikulum	9
STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN	
Kemahiran Mendengar Dan Bertutur	11
Kemahiran Membaca	15
Kemahiran Menulis	20
Kemahiran Seni Bahasa	24
Kemahiran Tatabahasa	27





## **RUKUN NEGARA**

**BAHAWASANYA** negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

**MAKA KAMI**, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
- **KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
- **KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

# Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.



## **PENDAHULUAN**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) adalah bersifat holistik, tidak terlalu akademik dan tidak membebankan murid. Ini selaras dengan teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Bagi memenuhi keperluan individu, proses pengajaran dan pembelajaran untuk murid pendidikan khas bermasalah pendengaran dibentuk secara fleksibel dan ini bertepatan dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997, yang menyatakan “ *guru-guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat Pendidikan Khas*”.

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) dibina dengan hasrat pembelajaran yang diperolehi di dalam bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga

menyediakan pendidikan berkualiti untuk murid bermasalah pendengaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berjaya dalam kehidupan.

## **MATLAMAT**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) digubal dengan matlamat untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu serta bersesuaian dengan tahap kefungsiannya. Perkembangan ini juga meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia.

## **OBJEKTIF**

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) bertujuan membimbing murid agar berupaya;

- i. mengamalkan tingkah laku dan sikap positif dalam menguruskan kehidupan seharian yang lebih bermakna serta menjadi warganegara yang berguna;
- ii. mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran serta dapat berdikari dalam kehidupan seharian;

- iii. memperoleh kemahiran dan keterampilan ke arah kehidupan berkerjaya;
- iv. mengamalkan penjagaan kesihatan dan keselamatan diri dengan sempurna;
- v. menggunakan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bersosialisasi dengan menepati tatasusila masyarakat majmuk;
- vi. mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian bagi yang beragama Islam;
- vii. mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian;
- viii. melibatkan diri dalam aktiviti riadah;
- ix. menghargai keindahan alam dan warisan budaya; dan
- x. menggunakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi seiring dengan perkembangan semasa.

### STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG

Organisasi Kurikulum Berasaskan Tunjang dibina bagi membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berketerampilan. Tunjang (Rajah 1) merupakan domain utama yang saling menyokong antara satu sama lain bagi membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Domain bagi setiap tunjang adalah:

- i. Komunikasi
- ii. Kerohanian, Sikap dan Nilai
- iii. Kemanusiaan
- iv. Sains dan Teknologi
- v. Perkembangan Fizikal dan Estetika
- vi. Keterampilan Diri



Rajah 1: Bentuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah

## **KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran diorganisasikan dalam bentuk modular yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai.

### **Standard Kandungan**

Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

### **Standard Pembelajaran**

Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi Standard Kandungan.

Standard kandungan dan standard pembelajaran diorganisasikan dalam bentuk bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai yang telah dikenal pasti perlu dikuasai oleh murid. Kandungan kurikulum disampaikan dalam bentuk bahagian atau unit yang dinamakan modul. Modul terdiri daripada Modul Teras Tema dan Modul Elektif.

## **PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, guru boleh mempelbagaikan pendekatan bagi mencapai kehendak Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Antaranya adalah:

- i. Pembelajaran Kendiri
- ii. Kolaboratif
- iii. Pembelajaran Berasaskan Projek
- iv. Inkuiri -Penemuan
- v. Penyelesaian Masalah
- vi. Pembelajaran Masteri
- vii. Pembelajaran Penerokaan
- viii. Pembelajaran Kontekstual
- ix. Konstruktivisme
- x. Simulasi

## **PENTAKSIRAN**

Pentaksiran di bilik darjah sangat penting bagi mengetahui tahap penguasaan dan pemahaman murid tentang apa yang telah dipelajari. Maklumat yang diperolehi membantu guru untuk menambah baik kaedah pengajarannya. Hasil pentaksiran di bilik darjah ini juga memberi maklum balas awal kepada guru untuk merancang tindakan susulan bagi meningkatkan lagi penguasaan dan pemahaman murid. Murid boleh ditaksir dengan menggunakan sama ada pentaksiran formatif atau sumatif atau kedua-duanya.

## **KURIKULUM STANDARD BAHASA MALAYSIA**

Kurikulum Standard Masalah Pendengaran bagi tunjang komunikasi, iaitu pendidikan Bahasa Malaysia digubal berasaskan standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu dicapai dan dikuasai oleh murid masalah pendengaran .

Standard kandungan merupakan pernyataan spesifik tentang perkara yang murid masalah pendengaran patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Standard pembelajaran pula merupakan suatu penetapan kriteria atau indikator pencapaian dalam bentuk objektif tingkah laku untuk memastikan pencapaian setiap standard kandungan. Penetapan standard bertujuan untuk murid bermasalah pendengaran mencapai ekuiti dan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ekuiti membawa maksud semua murid masalah pendengaran diberi peluang pendidikan yang sama, manakala kualiti membawa maksud semua murid masalah pendengaran perlu diberi pendidikan yang berkualiti.

Kurikulum standard Bahasa Malaysia berperanan sebagai bahasa perpaduan negara. Hasratnya untuk membina rasa bangga terhadap bahasa kebangsaan yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat serta berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cintakan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan.

Penggubalan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kurikulum ini akan menyediakan murid untuk menguasai kecekapan bahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan tatabahasa secara betul dan tepat dalam semua urusan. Selain itu kurikulum ini juga digubal agar murid mampu untuk mengungkapkan ilmu pengetahuan daripada bidang ilmu lain yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar serta memanfaatkan Bahasa Malaysia sebagai pemangkin untuk mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif murid.

Kurikulum ini memberikan tumpuan kepada kemahiran bahasa iaitu Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca (isyarat / kod tangan bila perlu) , Kemahiran Menulis, Seni Bahasa dan Tatabahasa agar murid dapat menguasainya pada peringkat sekolah rendah sebelum mereka melanjutkan pendidikan ke peringkat menengah. Penekanan kepada Kemahiran Bahasa, Seni Bahasa dan Tatabahasa bertujuan untuk membolehkan murid masalah pendengaran menggunakan Bahasa Malaysia secara berkesan dalam kehidupan harian dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup bagi tujuan perhubungan sosial, pemerolehan ilmu serta rekreasi.

Kurikulum ini juga memberikan pertimbangan kepada pelbagai gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid masalah pendengaran. Aktiviti Ko-kurikulum Bahasa Malaysia yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah penting sebagai sokongan untuk memantapkan penguasaan berbahasa murid.

## **MATLAMAT**

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran adalah untuk membolehkan murid bermasalah pendengaran berketerampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, maklumat dan idea, perhubungan sosial dan urusan kehidupan.

## **OBJEKTIF**

Murid masalah pendengaran yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran standard kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah ini berkebolehan untuk;

- I. Mendengar dan memahami mesej yang disampaikan oleh pihak lain dalam pelbagai situasi formal dan tidak formal (menggunakan isyarat/kod jika perlu melalui pendekatan komunikasi seluruh),
- II. mendengar dan memberikan respon terhadap bunyi, arahan, pertanyaan dan pesanan sama ada melalui perlakuan bahasa lisan dan bukan lisan,
- III. bertutur dengan petah menggunakan sebutan, intonasi dan bahasa yang betul,
- IV. bertutur dengan menyatakan pendapat dan permintaan secara bertatasusila mengikut situasi,
- V. membaca dengan lancar dengan sebutan, intonasi dan jeda mengikut tanda baca yang betul,
- VI. membaca dan menaakul bahan sastera dan bukan sastera bagi mendapatkan maklumat secara tersurat dan tersirat,

- VIII. membaca dan memindahkan maklumat yang perlu ke dalam pelbagai bentuk prosa atau bentuk grafik,
- VIX. membaca dan memberikan pelbagai respon berdasarkan maklumat yang terdapat dalam teks,
- X. memupuk minat membaca daripada pelbagai bahan bacaan bagi memperkayakan kosa kata dan maklumat,
- XI. menulis dan menghasilkan pelbagai jenis karangan kreatif dan bukan kreatif,
- XII. menggunakan bahasa baku meliputi tatabahasa, kosa kata, sebutan dan intonasi yang betul dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca dan menulis,
- XIII. menulis ulasan berasaskan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber.

## **FOKUS**

Pada akhir pembelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Rendah murid dapat membina perbendaharaan kata, menambah dan mempertingkatkan pemahaman berbahasa dan berkomunikasi secara berkesan sama ada pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah. Di samping itu, murid boleh menggunakan kemahiran berbahasa dan berkomunikasi untuk memperoleh dan menyampaikan pendapat, idea dan maklumat dalam pelbagai situasi pembelajaran dan perhubungan sosial serta urusan harian.

## **ORGANISASI KANDUNGAN**

Pendidikan Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal dengan memberikan penekanan pada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang patut diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran ini berpaksikan Kemahiran Bahasa dan Sistem Bahasa dan disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum.

## **KEMAHIRAN BAHASA**

Kemahiran bahasa meliputi kemahiran reseptif dan ekspresif. Kemahiran bahasa merupakan teras penguasaan bahasa baku.

### **Kemahiran Reseptif**

Kemahiran Reseptif merujuk kepada keupayaan murid mendengar/memahami isyarat/kod dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, dapat memberikan maklum balas dan mendapat maklumat dari bahan bacaan.

Dalam konteks murid bermasalah pendengaran, murid-murid diharap berupaya membaca dan memahami mesej dan maklumat yang disampaikan melalui kaedah komunikasi seluruh dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

Dalam konteks murid masalah pendengaran, kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca yang memperlihatkan gaya yang sesuai serta jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik membaca. Di samping itu, murid berupaya menghayati teks yang dibaca.

### **Kemahiran Ekspresif**

Kemahiran Ekspresif merangkumi keupayaan melahirkan idea, menyampaikan maklumat, pendapat melalui lisan / pertuturan / isyarat / kod, tulisan dan lukisan.

Kemahiran Ekspresif merujuk kepada keupayaan murid menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi dan isyarat/kod secara sopan. Penekanan diberikan pada penggunaan pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang betul.

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, dan mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas, cantik, dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan berunsur pengetahuan dan imaginatif. Penguasaan kemahiran bahasa memerlukan kepelbagaian situasi dan konteks yang meliputi bahan prosa, puisi, dan grafik.

## **SISTEM BAHASA**

Sistem bahasa berfokus pada pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, sistem ejaan, cara pengucapan dengan kaedah isyarat/kod, kosa kata, dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan Bahasa Malaysia baku. Penerangan bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah:

### **Tatabahasa**

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketetapan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

## Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk kata, dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan.

Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan berfungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama. Aspek morfologi yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- a. Struktur kata merujuk kepada pola suku kata bagi:
  - i. kata asli bahasa Melayu
  - ii. kata pinjaman bahasa Melayu
- b. Bentuk kata terdiri daripada:
  - i. kata tunggal
  - ii. kata terbitan
  - iii. kata ganda
  - iv. kata majmuk
- c. Proses pembentukan kata meliputi:
  - i. pengimbuhan
  - ii. penggandaan
  - iii. pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata ini, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari segi bentuk dan makna termasuk aspek baru dalam proses pengimbuhan.

- d. Golongan kata terdiri daripada:
  - i. kata nama
  - ii. kata kerja
  - iii. kata adjektif
  - iv. kata tugas

## Sintaksis

Sintaksis adalah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- a. Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa, dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
- b. Jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- c. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
- d. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang.
- e. Binaan ayat:
  - i. ayat dasar
  - ii. ayat tunggal
  - iii. ayat terbitan atau ayat majmuk
- f. Proses penerbitan ayat:
  - i. konsep ayat terbitan
  - ii. proses pengguguran
  - iii. proses penyusunan semula
  - iv. proses peluasan
- g. Aspek tanda baca



## Sistem Ejaan

Perkara yang diberikan penekanan ialah:

- i. Pola keselarasan huruf vokal
- ii. Ejaan kata pinjaman
- iii. Ejaan kata dasar dan kata terbitan

## Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat.

## Sebutan

Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku.

## Intonasi

Intonasi dalam Bahasa Malaysia hendaklah diajarkan mengikut pola yang berikut:

- i. ayat nyata
- ii. ayat tanya
- iii. ayat perintah
- iv. ayat seruan
- v. ayat terbalik atau songsang
- vi. ayat aktif
- vii. ayat pasif

## Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu dipertingkatkan dan diperkembangkan agar murid dapat mengungkapkan maklumat dan buah fikiran selaras dengan pertambahan ilmu dalam mata pelajaran peringkat sekolah rendah.

## Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmah perlu diajarkan dalam pendidikan bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia.

## Nota:

Buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Buku Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Edisi Kedua ialah buku panduan ejaan yang menjadi rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.



## PENGISIAN KURIKULUM

Elemen dalam pengisian kurikulum ialah ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah. Penerangan ringkas bagi setiap elemen diberikan di bawah:

### 1.0 Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu dalam bidang sains dan geografi yang dapat digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Ilmu juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

### 2.0 Nilai Murni

Penerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Malaysia adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak yang mulia. Selain itu, penghayatan dan ramalan murni bertujuan untuk membentuk generasi muda dan berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni dan masyarakat.

### 3.0 Kewarganegaraan

Penyerapan unsur patriotisme dan kewarganegaraan dalam pendidikan Bahasa Malaysia mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan tanah air. Di samping itu, pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen individu.

### 4.0 Peraturan sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam pendidikan Bahasa Malaysia meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang diamalkan dalam masyarakat Malaysia. Peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

### 5.0 Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah ialah kemahiran yang diajarkan dalam bilik darjah dan dapat diaplikasikan dalam dunia sebenar murid dan dalam senario dunia yang global. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Penerangan ringkas tentang kemahiran bernilai tambah dinyatakan seperti yang berikut.

#### 5.1 Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepkan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting.

#### 5.2 Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka dapat menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan mengakses maklumat melalui internet.

### 5.3 Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

### 5.4 Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

### 5.5 Kecerdasan Pelbagai

Mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

### 5.6 Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran Konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat.

### 5.7 Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran ini disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit, serta melibatkan latihan amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati relevan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

**STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN  
BAHASA MALAYSIA TAHUN 3**

**1. Kemahiran Melihat, Mengecam, Berisyarat / Mendengar Dan Bertutur**

Objektif Kemahiran Mendengar dan Bertutur adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;

- i. Melihat, mengecam, berisyarat / mendengar, bertutur dan memahami kata, frasa, ungkapan, dan ayat dalam ujaran atau isyarat dengan menyatakan maksud yang betul, tepat dan jelas;
- ii. Melihat, mengecam, berisyarat / mendengar, bertutur dan memahami panduan, pesanan, peringatan dan arahan atau isyarat dengan memberi respon yang betul, tepat dan bermakna secara santun;
- iii. Berbicara dengan sebutan dan intonasi atau isyarat yang baru secara santun dan beretiket.
- iv. Bersoal jawab menggunakan pelbagai soalan secara bertatasusila.
- v. Menyampaikan maklumat dengan kata frasa, klausa dan ayat-ayat yang gramatis.
- vi. Berbincang dan berunding secara rasional dengan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun; dan
- vii. Mengulas dengan ayat yang jelas, tepat dan gramatis.

## 1. Kemahiran Melihat, Mengecam, Berisyarat / Mendengar Dan Bertutur

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>1.2 Mendengar (melihat), mengecam, menyebut dan mengisyaratkan abjad, suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betul.</p>	<p>1.2.1 Mendengar (melihat), mengecam, memahami, menyebut dan mengisyaratkan abjad, suku kata, perkataan dengan betul.</p> <p>1.2.2 Mendengar (melihat), mengecam, memahami, menyebut dan mengisyaratkan frasa dan ayat dengan betul.</p>
<p>1.3 Mendengar (melihat), memahami dan memberi maklum balas menggunakan komunikasi seluruh terhadap sesuatu arahan, soalan dan pesanan yang diterima dengan betul.</p>	<p>1.3.1 Mendengar (melihat), memahami dan memberikan maklum balas yang sesuai dengan komunikasi seluruh atau tingkah laku terhadap arahan berdasarkan ayat permintaan dan suruhan dengan betul.</p> <p>1.3.2 Mendengar (melihat), memahami dan memberikan maklum balas dengan komunikasi seluruh terhadap soalan yang mengandungi kata tanya dengan betul.</p> <p>1.3.3 Mendengar (melihat), memahami dan memberi maklum balas dengan menyampaikan pesanan dengan betul menggunakan komunikasi seluruh.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>1.4 Berkomunikasi, berbual dan menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.</p>	<p>1.4.1 Berbual secara komunikasi seluruh tentang sesuatu perkara dengan menggunakan frasa yang betul dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.</p> <p>1.4.2 Berbual secara komunikasi seluruh sesuatu perkara menggunakan kata panggilan yang sesuai bagi kalangan bukan ahli keluarga dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.</p> <p>1.4.3 Berbual secara komunikasi seluruh tentang sesuatu perkara menggunakan kata ganti nama diri dengan betul dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.</p> <p>1.4.4 Menyatakan permintaan dengan menggunakan perkataan yang sesuai secara berisyarat tentang sesuatu perkara dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.</p>
<p>1.5 Bercerita dan menceritakan sesuatu perkara semula dengan menggunakan komunikasi seluruh</p>	<p>1.5.1 Bercerita tentang sesuatu perkara dengan menggunakan ayat tunggal secara komunikasi seluruh.</p> <p>1.5.2 Bercerita tentang sesuatu perkara dengan menggunakan ayat majmuk secara komunikasi seluruh.</p> <p>1.5.3 Bercerita sesuatu perkara yang dibaca dengan tepat menggunakan ayat tunggal secara komunikasi seluruh.</p> <p>1.5.4 Bercerita sesuatu perkara yang dibaca dengan tepat menggunakan ayat majmuk secara komunikasi seluruh.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>1.6 Berkomunikasi tentang sesuatu untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.</p>	<p>1.6.1 Berkomunikasi seluruh untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat tersurat yang tepat tentang sesuatu perkara dalam situasi formal secara tatasusila.</p> <p>1.6.2 Berkomunikasi seluruh untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan merujuk kamus dalam situasi formal secara bertatasusila.</p> <p>1.6.3 Berkomunikasi seluruh untuk menyampaikan maklumat dengan tepat tentang sesuatu perkara menggunakan ayat yang mengandungi kosa kata dan frasa yang sesuai secara bertatasusila.</p>
<p>1.7 Berkomunikasi seluruh dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.</p>	<p>1.7.1 Berkomunikasi seluruh dan mengemukakan pandangan yang sesuai tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat secara bertatasusila.</p> <p>1.7.2 Berkomunikasi seluruh dan mengemukakan pendapat berdasarkan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber menggunakan ayat mudah yang betul secara bertatasusila.</p>

## 2. Kemahiran Membaca

Objektif kemahiran membaca adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;

- i. Membaca secara mekanis dengan sebutan dan intonasi (Isyarat / Kod jika perlu) serta gaya yang sesuai;
- ii. Membaca dan memahami maklumat dengan betul dan tepat;
- iii. Membaca dan memproses maklumat dengan betul dan tepat; dan
- iv. Membaca (Isyarat / Kod jika perlu) secara ekstensif bagi mengukuhkan kelancaran membaca, meluaskan perbendaharaan kata dan ilmu pengetahuan serta memahami dan menghayati bahan bacaan.

## 2 Kemahiran Membaca

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>2.2 Membaca dan memahami, perkataan, frasa, dan ayat daripada pelbagai sumber dengan sebutan (isyarat) yang betul.</p>	<p>2.2.1 Membaca dan memahami perkataan imbuhan awalan dan akhiran dalam ayat daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul secara berisyarat.</p> <p>2.2.2 Membaca dan memahami frasa yang mengandungi diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dalam perenggan daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul secara berisyarat.</p> <p>2.2.3 Membaca dan memahami ayat dalam perenggan daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul secara berisyarat.</p>



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>2.3 Membaca kuat (berisyarat ) pelbagai bahan bacaan dengan lancar dan jelas menggunakan komunikasi seluruh.</p>	<p>2.3.1 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan yang mengandungi pelbagai pola ayat dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul secara berisyarat.</p> <p>2.3.2 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan yang mengandungi ayat tunggal susunan biasa dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul secara berisyarat.</p> <p>2.3.3 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan yang mengandungi ayat tunggal susunan songsang dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul secara berisyarat.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>2.4 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respon dengan betul secara berisyarat.</p>	<p>2.4.1 Membaca dan memahami maklumat untuk mengenal pasti pertautan idea dalam bahan multimedia secara berisyarat.</p> <p>2.4.2 Memahami maklumat multimedia bagi membuat ramalan dengan tepat secara berisyarat.</p> <p>2.4.3 Membaca dan memahami maklumat daripada pelbagai bahan multimedia untuk membuat penilaian dengan betul secara berisyarat</p> <p>2.4.4 Membaca dan memahami maklumat yang tersirat dengan tepat daripada bahan yang sesuai secara berisyarat.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>2.5 Membaca dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan secara berisyarat.</p>	<p>2.5.1 Membaca dan memahami sesuatu maklumat untuk membuat ramalan yang sesuai secara berisyarat.</p> <p>2.5.2 Membaca, memahami dan menaakul maklumat dalam bahan grafik dan bahan bukan grafik dengan betul secara berisyarat.</p> <p>2.5.3 Membaca dan menaakul bahan grafik untuk memindahkan maklumat kepada bentuk ayat dengan betul .</p>
<p>2.6. Membaca pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang sesuai bagi memupuk minat membaca secara berisyarat.</p>	<p>2.6.1 Membaca pelbagai bahan kreatif yang sesuai untuk menambah ilmu pengetahuan secara berisyarat.</p> <p>2.6.2 Membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan bukan sastera secara didik hibur untuk mendapat pengajaran secara berisyarat.</p>

### 3. Kemahiran Menulis

Objektif kemahiran menulis adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;

- i. Menulis untuk menerangkan sesuatu perkara dengan kata, frasa dan ayat yang betul mengikut konteks;
- ii. Menulis untuk melengkapkan perenggan dengan kata, frasa, ayat dan peribahasa yang tepat;
- iii. Menghasilkan prosa secara terancang, tertib dan kemas menggunakan bahasa yang tepat, indah dan menarik;
- iv. Menulis arahan, peraturan dan pesanan dengan ayat yang betul dan tepat;
- v. Meringkas dan merumus menggunakan penanda wacana yang betul dan ayat yang gramatis;
- vi. Mengolah maklumat dengan kata dan frasa yang betul serta ayat yang gramatis;
- vii. Mengedit dengan perkataan yang tepat dan ayat yang gramatis; dan
- viii. Menulis tulisan berangkai yang betul menggunakan frasa dan ayat jelas dan kreatif dengan bersih dan kemas.

### 3 . Kemahiran menulis

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.2 Menulis secara mekanis menggunakan bahan yang diberi dengan betul dan kemas.	3.2.7 Menulis secara mekanis frasa dan ayat tunggal dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul.
3.3 Membina dan menulis perkataan , frasa dan ayat dengan betul	3.3.3 Membina dan menulis jawapan pemahaman secara terkawal berdasarkan soalan bertumpu dengan betul.  3.3.4 Membina dan menulis pelbagai jenis ayat berdasarkan bahan grafik dalam satu perenggan dengan betul.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>3.4 Menulis imlak yang diisyaratkan dengan tepat</p>	<p>3.4.1 Menulis imlak berpandu kod isyarat yang berimbuhan dan kata ganda dengan tepat.</p> <p>3.4.2 Menulis imlak frasa dan ayat yang mengandungi perkataan yang berimbuhan awalan dan akhiran dengan tanda baca yang tepat menggunakan arahan kod tangan.</p>
<p>3.5 Mencatat sesuatu maklumat yang betul tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.</p>	<p>3.5.1 Mencatat dan menulis maklumat yang betul mengikut susunan daripada pelbagai sumber.</p> <p>3.5.2 Mencatat dan menulis maklumat yang betul mengikut susunan untuk membuat carta aliran daripada pelbagai sumber.</p>
<p>3.6 Menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun.</p>	<p>3.6.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul dengan menggunakan isi utama serta menegaskan kesantunan berbahasa.</p> <p>3.6.2 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul berbentuk pengumuman dengan menegaskan kesantunan berbahasa.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>3.7 Menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul</p>	<p>3.7.1 Menghasilkan penulisan pelbagai genre secara berpandu dengan betul.</p> <p>3.7.2 Menghasilkan penulisan kreatif berbentuk imaginatif secara terkawal dengan betul.</p> <p>3.7.3 Menghasilkan penulisan kreatif berbentuk deskriptif secara terkawal dengan betul.</p>
<p>3.8 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan</p>	<p>3.8.1 Mengedit hasil penulisan dan kata.</p> <p>3.8.2 Mengedit hasil ejaan dan tanda baca.</p> <p>3.8.3 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek penggunaan kata, ejaan dan tanda baca.</p>

#### **4. Kemahiran Seni Bahasa**

Objektif Aspek Seni Bahasa adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;

- i. Memahami dan mengapresiasi karya sastera yang dibaca dengan betul dan penuh penghayatan;
- ii. Memahami aspek bahasa dalam karya sastera dengan betul mengikut konteks;
- iii. Menghasilkan karya fiksi dan puisi secara terancang, tertib dan kemas dengan bahasa yang indah dan menarik;
- iv. Mempersembahkan karya prosa dan puisi dalam pelbagai bentuk secara kreatif; dan
- v. Menghasilkan karya fiksi dan puisi secara terancang, tertib dan kemas dengan bahasa yang indah dan menarik.



#### 4. Kemahiran seni bahasa

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
4.1 Memahami unsur seni dalam lagu melalui nyanyian secara didik hiburan	4.1.1 Menyebut atau mengisytiharkan seni kata lagu yang mengandungi pengajaran dalam nyanyian yang dipersembahkan secara didik hiburan.  4.1.2 Memahami dan menyatakan pengajaran daripada seni kata lagu melalui nyanyian secara didik hiburan.
4.2 Mengucapkan (isyarat) bahasa yang indah dan bahasa badan secara kreatif semasa bercerita didik hiburan.	4.2.1 Mengucapkan ayat secara komunikasi seluruh dengan sebutan yang betul mengikut susunan idea yang tepat melalui penceritaan secara didik hiburan.  4.2.2 Mengucapkan ayat secara komunikasi seluruh dengan sebutan yang betul mengikut susunan idea yang tepat serta watak yang sesuai untuk menyampaikan pengajaran melalui penceritaan secara didik hiburan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>4.3 Mengucapkan (isyarat) bahasa yang indah dan bahasa badan secara kreatif melalui lakonan secara didik hiburan.</p>	<p>4.3.1 Mengucapkan dialog secara komunikasi seluruh dengan sebutan yang betul dan gaya yang sesuai melalui lakonan secara didik hiburan.</p> <p>4.3.2 Mengucapkan dialog secara komunikasi seluruh dengan sebutan yang betul mengikut susunan idea yang tepat dan mimik muka yang sesuai untuk menyampaikan pengajaran melalui lakonan secara didik hiburan.</p>
<p>4.4 Melafazkan atau mengisyaratkan dan memahami puisi yang dipersembahkan menggunakan bahasa yang indah secara didik hiburan.</p>	<p>4.4.1 Memahami dan melafazkan atau mengisyaratkan pantun empat kerat secara komunikasi seluruh dengan menggunakan bahasa yang indah secara didik hiburan.</p> <p>4.4.2 Membina pantun empat kerat secara berpandu dan melafazkannya secara komunikasi seluruh yang betul dan jelas secara didik hiburan.</p>

## 5. Kemahiran Tatabahasa

Objektif Aspek Tatabahasa adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;

- i. Memahami dan menggunakan golongan kata dalam ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks;
- ii. Memahami dan menggunakan imbuhan dalam ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks;
- iii. Memahami dan menggunakan kata majmuk dalam ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks;
- iv. Memahami dan menggunakan kata ganda dalam ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks;
- v. Memahami dan menggunakan akronim dalam ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks;
- vi. Memahami dan menggunakan frasa dalam ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks;
- vii. Memahami dan membina ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks.

## 5. Kemahiran tatabahasa

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.1 Memahami dan menggunakan golongan kata dengan betul mengikut konteks	5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am hidup bukan manusia dengan betul mengikut konteks. 5.1.2 Memahami dan menggunakan kata nama khas hidup bukan manusia dengan betul mengikut konteks 5.1.3 Memahami dan menggunakan kata ganti nama diri sebagai kataan sapaan dengan betul mengikut konteks 5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja terbitan dengan betul mengikut konteks. 5.1.5 Memahami dan menggunakan kata ukuran dan bentuk dengan betul mengikut konteks. 5.1.6 Memahami dan menggunakan kata hubung gabungan dengan betul mengikut konteks. 5.1.7 Memahami dan menggunakan kata tanya dengan betul mengikut konteks. 5.1.8 Memahami dan menggunakan kata sendi nama dengan betul mengikut konteks.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.2 Memahami dan menggunakan pembentukan kata yang sesuai dalam pelbagai situasi yang betul.</p>	<p>5.2.1 Memahami dan menggunakan kata terbitan awalan beR dan teR dengan betul dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.2.2 Memahami dan menggunakan kata terbitan awalan peN dan meN dengan betul dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.2.3 Memahami dan menggunakan kata ganda penuh semua dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.2.4 Memahami dan menggunakan kata majmuk.</p> <p>5.2.5 Memahami dan menggunakan rangkai kata bebas dengan betul dalam pelbagai konteks</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.3 Memahami dan membina ayat yang betul dalam pelbagai situasi</p>	<p>5.3.1 Memahami dan membina ayat tunggal susunan biasa dengan betul dalam pelbagai situasi</p> <p>5.3.2 Memahami dan membina ayat tunggal susunan songsang dengan betul dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3.3 Memahami dan membina ayat majmuk dengan betul dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3.4 Memahami dan membina ayat penyata dengan betul dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3.5 Memahami dan membina ayat seru dan ayat perintah dengan betul dalam pelbagai situasi. .</p> <p>5.3.6 Memahami dan membina ayat tanya dengan kata tanya dan tanpa kata tanya dengan betul dalam pelbagai situasi. .</p>



Terbitan:



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
Aras 4-8, Blok E9  
Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
Tel: 03-8884 2000 Faks: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>